

22/04/2003

Kementerian perkenal Anugerah Duta Belia

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan buat pertama kalinya memperkenalkan Anugerah Duta Belia 2003 sempena Hari Belia tahun ini bagi

menghargai sumbangan golongan itu yang mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata anugerah tahun ini memperkenalkan 10 kategori penyertaan belia iaitu membabitkan fesyen, seni, sukan, industri, usahawan, teknologi maklumat (IT), reka cipta, saintis, kerjaya dan kreatif.

Anugerah itu akan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada seorang daripada lima remaja yang dipilih ke peringkat akhir daripada 28 remaja terbaik yang mencipta kegemilangan dalam bidang masing-masing, katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan logo dan tema Hari Belia 2003, di sini, semalam.

"Duta yang dipilih itu akan menjadi model contoh dan kebanggaan di kalangan remaja di negara ini yang ingin mencipta kejayaan," katanya.

Penentuan pemenang anugerah itu daripada lima peserta peringkat akhir akan dibuat melalui undian menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) yang dibuka kepada semua golongan remaja seluruh negara.

Hari Belia tahun ini bertemakan Menjana Kecemerlangan Bangsa akan dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 15 Mei ini dan akan diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Turut hadir di majlis itu, Ketua Pengarah Belia dan Sukan, Datuk Raja Ruslan Raja Samah dan Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Norizan Sharif.

Lima remaja yang berjaya ke peringkat akhir bagi anugerah itu, adalah peserta sukan lasak, Chan Yuen Li; Aziwahija Yeop (pesilat); Jerry Kamit (pemuzik tradisional sape Sarawak); Maznah Zulkifli (personaliti televisyen) dan Ang John Wei (Teknologi Maklumat).

Hishammuddin berkata, sambutan hari belia tahun ini juga akan membabitkan satu lagi elemen baru iaitu Pameran Kecemerlangan Belia Negara 2003.

Beliau berkata, pameran itu akan memaparkan pencapaian dan kejayaan 28 remaja terbaik yang pernah mencipta kegemilangan melalui ciptaan masing-masing buat tatapan rakan remaja lain.

Hishammuddin juga berkata kementerian akan memperkenalkan secepat mungkin Akta Pembangunan Belia bagi memantapkan semua persatuan belia, selain menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

Katanya, ketika ini, draf undang-undang akta itu masih dirangka dan pandangan, kritikan serta cadangan sedang dikumpulkan, terutama daripada pemimpin persatuan belia.